

Syarahan 'Seabad Za'ba Pemikiran Kemiskinan' oleh Anwar di UPSI sentuh minda bangsa

• Menurut Paul Gorski, mentaliti defisit menyebabkan individu atau komuniti percaya tidak berupaya memperbaiki keadaan, sekali gus beliau mencadangkan program pendidikan memberdayakan

• KPT, KPM perlu pastikan pendidikan berkualiti, program kementerian sampai kepada kumpulan sasaran terutama pedalaman, masyarakat terpinggir kerana usaha menangani kemiskinan minda bersifat kompleks



Profesor Politik dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof. Dr. Mohd. Aziauddin Mohd. Sami
bhrencana@bh.com.my

Pada 5 Oktober lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyampaikan syarahan sangat tajam dan analitikal membicarakan erti kemiskinan secara holistik bertajuk 'Seabad Za'ba Pemikiran Kemiskinan'.

Ucapan ini sempena Syarahan Za'ba yakni meraikan pemikiran tokoh Melayu, iaitu Zainal Abidin Ahmad, lebih dikenali sebagai Za'ba.

Za'ba banyak membicarakan cabaran orang Melayu bukan sahaja menentang penjajahan British, malah mempersoalkan isu kemiskinan

bangsa bermula penjajahan minda lantas melahirkan kemiskinan material dibina penjajah dan elit yang mindanya terjahat.

Syarahan ini sangat signifikan kerana diadakan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mula diasaskan pada 1922 sebagai kolej latihan sebelum bertukar kepada Sultan Idris Teachers College atau Maktab Perguruan Sultan Idris yang melahirkan ramai tokoh nasionalis termasuk Za'ba sendiri.

Anwar berhujah mengenai penguasaan elit terhadap minda bangsa dan mengaitkan hujah beberapa tokoh sarjana besar seperti Franz Fanon, Syed Hussein Alatas, Jose Rizal, Ungku Aziz dan ramai lagi. Tertarik juga ingin diulas mengenai konsep 'miskin akal budi' dikehendaki Za'ba.

Miskin akal budi, dalam erti kata lain disebut 'kemiskinan minda' adalah konsep sering diabaikan dalam perbincangan mengenai kemiskinan, walaupun ia memberi impak mendalam terhadap masyarakat.

Istilah ini merujuk kepada keadaan individu atau masyarakat terperangkap dalam pemikiran dan tingkah laku membatasi peluang untuk maju, walaupun terdapat sumber atau bantuan mencukupi.

Fenomena ini berlaku apabila seseorang atau sekumpulan orang tidak dapat mengoptimumkan potensi mereka kerana kekangan psikologi, mental dan sosial. Kemiskinan minda bukan sahaja berkaitan kekurangan material, bahkan berkait rapat mentaliti, pandangan hidup dan kebolehan untuk memanfaatkan peluang yang ada. Untuk ini, reaksi konstruktif akan dilemparkan kepada beberapa karya agung memperdebat isu ini.

Sering terbaca ucapan dan penulisan Anwar sebelum ini, namun dalam Syarahan Za'ba, Perdana Menteri seakan-akan terlupa menyebut seorang tokoh sarjana acap kali disebut beliau, iaitu Amartya Sen. Amartya Sen, seorang ahli ekonomi pemenang Ha-

diah Nobel, dalam bukunya *Development as Freedom*, mengemukakan kemiskinan bukan sekadar kekurangan sumber kewangan, bahkan kekurangan kebebasan untuk mencapai potensi sebenar.

Menurut beliau, kemiskinan minda timbul apabila individu tidak mampu membuat pilihan bijak atau berasa terhalang untuk menggunakan kebebasan yang mereka miliki kerana kekurangan akses kepada pendidikan, kesihatan dan peluang.

Kekangan mental membawa kepada keadaan 'unfreedom' (tiada kebebasan), yang menghalang pembangunan manusia secara keseluruhan. Walaupun bantuan material disalurkan kepada mereka, mereka mungkin tidak akan keluar daripada kemiskinan jika mentaliti dan kemampuan membuat keputusan tidak diperbaiki.

Kemiskinan minda punca masalah bangsa

Menyokong kepada hujah menentang kemiskinan minda, Paul Gorski dan Robert Chambers juga melihat kemiskinan sebagai punca sebenar permasalahan kepada nusa dan bangsa.

Menurut Paul Gorski, kemiskinan minda dapat ditangani melalui pendidikan. Menurutnya, kemiskinan minda terjadi apabila individu atau komuniti terdedah kepada mentaliti 'defisit' di mana mereka percaya bahawa mereka tidak mempunyai keupayaan memperbaiki keadaan. Ini sering berlaku dalam kalangan golongan miskin terpinggir dari segi pendidikan dan maklumat.

Dalam kajiannya, Gorski mencadangkan penglibatan dalam program pendidikan memberdayakan dan menyokong perubahan minda adalah penting untuk membebaskan individu daripada kekangan mental ini.

Gorski juga berhujah struktur masyarakat tidak adil turut memperkukuhkan kemiskinan minda. Ini dipersetujui Robert Chambers, dalam kajiannya mengenai pembangunan luar bandar, menyentuh aspek kemiskinan minda melalui konsep 'deprivation trap' (jerat kemiskinan).

Anwar menyentuh pandangan Syed Hussein Alatas yang menulis dua karya penting, *The Myth of The Lazy Native* atau terjemahannya, *Mitos Pribumi Melayu dan Intellectuals in Developing Societies* (*Intelek Masyarakat Mengangun*).

Sikap bebal dan yang disebut bebalisme dan fiil orang akibat beberapa rencana penjajah menyebabkan pemikiran perancangannya dan elitnya hingga rakyat disebut berada dalam bentuk pemikiran terperangkap (the captive mind).

Walaupun pendekatan Pribumi Malas ini dilihat sebagai mitos oleh Syed Hussein, ia boleh menjadi 'kesedaran palsu' (false consciousness) sekiranya bangsa dijajah, mahupun bangsa tidak dijajah mempercayainya, yang membawa kepada kemiskinan minda.

Kritikan kepada karya Syed Hussein ini ialah masyarakat pribumi kini seolah-olah menerima bahawa realitinya mereka malas dan tidak berusaha dijana sistem penaungan wujud, lantas peluang ekonomi sering diambil bangsa luar yang menjadi warganegara negara terbabit rajin berusaha seperti orang keturunan Pakistan dan India di United Kingdom (UK) serta bangsa Cina di Thailand, Malaysia dan Indonesia.

Kebimbangan seluruh dunia kini sama ada bangsa kulit putih di Eropah, Aborigin di Australia, bangsa asal di Asia dan Afrika dilihat selesai sebagai bangsa pribumi menjadikan mereka malas.

Mereka juga memainkan isu Islamofobia dan anti-imigran kerana cemburu melihat bangsa luar serta gagal bersaing dengan bangsa luar yang lebih rajin berusaha dalam ekonomi dan perdagangan. Jadi asal mitos menjadi realiti kepada pribumi malas.

Secara umumnya, semua sarjana bersetuju pendidikan memainkan peranan utama dalam menangani kemiskinan minda. Pendidikan bukan sahaja menyediakan pengetahuan asas, bahkan membangunkan pemikiran kritikal, keyakinan diri dan kebolehan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan.

Dalam konteks Malaysia, usaha Kerajaan Perpaduan seperti program Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan pelbagai program pembangunan luar bandar bertujuan terus membasmi kemiskinan material serta minda dengan menyediakan akses kepada pendidikan dan peluang pekerjaan lebih baik.

Bagaimanapun, terdapat cabaran ditangani Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pendidikan dalam memastikan pendidikan berkualiti serta program kementerian sampai kepada kumpulan sasaran, terutama di kawasan pedalaman dan masyarakat terpinggir.

Oleh itu, usaha berterusan diperlukan untuk memastikan masyarakat hidup dalam kemiskinan bukan sahaja menerima bantuan material, bahkan diberikan dari segi mental dan sosial untuk mengambil inisiatif dalam memperbaiki keadaan hidup mereka.

Kemiskinan minda ialah isu kompleks dan berlapis-lapis, membabitkan pelbagai faktor psikologi, sosial serta budaya yang menghalang seseorang atau komuniti daripada maju.

Kemiskinan minda bukan sahaja masalah kekurangan material, bahkan mencerminkan keterbatasan seseorang atau masyarakat berfikir serta bertindak.

Oleh itu, usaha membasmi kemiskinan perlu merangkumi strategi menyeluruh, termasuk memperkasakan minda dan membina kapasiti mental masyarakat untuk memanfaatkan peluang yang ada, agar kemajuan dicapai lebih lestari dan berterusan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH